

Inisiatif 'PROPER TOP' SMK Labuan Bantu Murid Mengikuti PdPR



Labuan, 29 Julai – Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Fasa 4 bermula pada 26 Julai hingga 30 Ogos 2021.

Keperluan untuk mengikuti PdPR merupakan cabaran besar kepada murid SMK Labuan yang menghadapi masalah ketiadaan peranti dan data internet. Walaupun jumlahnya tidak ramai tetapi ini akan menjejaskan pembelajaran murid-murid berkenaan sepanjang tempoh PdPR.

Atas keprihatinan guru-guru, staf dan PIBG SMK Labuan bagi membantu murid-murid berkenaan maka terhasillah inisiatif Program Pinjaman Peranti dan Bantuan *Top Up* data internet (**PROPER TOP**) SMK Labuan.

Pemilihan murid berdasarkan penelitian guru kelas, Unit Kebajikan Murid dan Unit HEM dengan menilai murid yang sangat memerlukan peranti dan data internet untuk mengikut PdPR secara dalam talian.

Peranti ini diberi sebagai pinjaman untuk tempoh yang sesuai sehingga ibu bapa murid dapat mengusahakan pembelian peranti sendiri.



Dua orang murid Tingkatan 2 penerima pertama peranti Sumbangan bantuan *Top up* hanya akan diteruskan kepada murid yang mengikut PdPR secara konsisten dan betul-betul memerlukan data internet.

Penyerahan pertama peranti telah dilaksanakan pada 25 Julai 2021 kepada 2 orang murid Tingkatan 2, manakala bantuan *top up* telah diberi kepada 46 orang murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail bin Abdullah menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua guru dan

staf serta PIBG SMK Labuan atas sumbangan yang diberi untuk inisiatif **PROPER TOP** ini.

Semoga inisiatif PROPER TOP ini akan mencapai matlamatnya, selaras dengan slogan SMK Labuan iaitu "Setiap Murid Bernilai" dan slogan Jabatan Pendidikan WP Labuan "Guru Sayang Muridnya". Encik Ismail Abdullah

Berita oleh : SMK Labuan



Encik Ismail memberi kata-kata semangat dan nasihat kepada penerima peranti



Pelancaran Inisiatif

Program Pinjaman Peranti Dan Bantuan Top Up

PROPER TOP

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LABUAN



Tempat : SMK Labuan

Tarikh : 25 Julai 2021

satu inisiatif guru, staf dan PIBG SMK Labuan untuk membantu murid yang sukar mengikuti PdPR kerana masalah peranti dan data